

05/02/2005

Faz pasrah pada emosi

By Zubir Mohd Yunus

NAMA Nur Fazura Sharifuddin menjadi kontroversi buat seketika selepas kejadian perbalahan dirinya dengan seorang wanita di sebuah pusat hiburan, akhir tahun lalu hingga mencetuskan reaksi negatif masyarakat terhadapnya. Dia akur atas kesilapannya sambil memohon maaf secara terbuka. ZUBIR MOHD YUNUS dan jurugambar ZAHARIN HAYON sempat merakam reaksi Faz ketika ditemui selepas pelancaran filem Gol & Gincu.

SEBAIK saja selesai sidang media dan pelancaran filem Gol dan Gincu terbitan Red Films, kelihatan Penerbit Eksekutifnya, Datin Paduka Marina Tun Mahathir mundar-mandir sibuk melayan pertanyaan media yang menemuinya ketika dia masih menikmati sarapan pagi. Namun, di suatu sudut, kelihatan sekumpulan rakan media, kali ini lebih ramai, ligat menulis sesuatu di buku catatan mereka seolah-olah cerita yang diperoleh itu mahu dimuatkan pada muka depan akhbar atau majalah masing-masing.

Lama juga diperhatikan siapa gerangan yang ditemu bual kerana popularitinya mengalahkan Marina sendiri. Akhirnya selepas seorang jurugambar beredar, mungkin sudah berpuas hati dengan hasil kerjanya, jelas kelihatan seraut wajah jelita Nur Fazura mengenakan pakaian berjenama Guess? merah jambu, begitu rancak menjawab soalan wartawan.

Tanpa menghiraukan wartawan yang sedang menemu bual Faz, panggilan manja Fazura, penulis menghampiri dan melambai ke arahnya dengan harapan Faz menyedari dirinya diperlukan selepas itu.

"Okey bang, kita jumpa lepas ni ya..."

Faz memberi jaminan dia tidak akan menghampakan media yang sudah lama mencari ruang untuk bertentang mata dengannya.

Pada masa sama, Faz tidak putusputus dikerumuni wartawan, hinggalah selepas kira-kira dua jam menunggu, akhirnya Faz menghampiri penulis sambil berkata, "Bang, tunggu sekejap ya, Faz nak salin baju, ni baju sponsor, kena pulangkan balik.."

Tengah hari itu, kami menikmati hidangan Jepun, sengaja Faz tidak mahu menyertai penerbit dan rakannya yang lain makan di ruangan tertutup, sebaliknya memilih meja di suatu sudut. "Kat sini privacy, kita boleh cerita panjang," kata Faz yang seolah-olah tidak sabar memulakan bicara hatinya.

Dari raut wajahnya, penulis dapat membaca, Faz sebenarnya ingin meluahkan segala-galanya pada hari itu supaya dirinya tidak terus-terusan menerima hukuman. Pun begitu, belum pun sempat pita rakaman dihidupkan, Penerbit Bersekutu Red Films, Lee Mee Fung tiba-tiba menghampiri meja kami.

"Faz, you nak kita orang temankan ke? Nanti kalau ada ada-apa pasal filem, kami boleh jawab."

Menyedari perbualan kami bakal terganggu, Faz bingkas mencelah: "Tak apa, Faz nak cerita pasal filem Qaisy & Laila."

Bijak Faz mencari alasan supaya rakannya itu cepat beredar.

Tidak mahu membunuh mood Faz yang `cantik' tengah hari itu, dia diajukan mukadimah yang cukup tersusun lalu menjelaskannya satu persatu.

"Faz sebenarnya tidak mengenali wanita itu secara dekat, namun siapa dia, asal-usul dia, Faz tahu. Pada masa sama, ketika ini Faz sedang mengenali seorang lelaki (A), tapi nak kata boyfriend tu, belum lagi..," Faz masih cuba berselindung mengenai A, sambil beberapa kali memberi peringatan pada jurugambar supaya tidak merakamkan fotonya yang menampakkan dia seksi.

"Tolong ya, jangan nampak seksi, Kak Chah (Habsah Hassan) tak suka." Faz meneruskan perbualannya mengenai A: "Kami dah kenal antara satu sama lain hampir dua tahun sebagai kawan. Sekarang mungkin perhubungan kami lebih dekat, orang kata lebih akrab." Tanpa diduga, Faz memberikan kenyataan yang mungkin belum pernah diceritakan kepada mana-mana media sebelum ini. "Namun, wanita berkenaan sudah mengenali A terlebih dulu daripada Faz. Bagi Faz, itu satu perkara normal. Faz anggap kejadian yang berlaku pada malam itu bermotifkan cemburu, di mana wanita berkenaan mungkin cemburu hubungan Faz dengan A." Faz mendakwa, wanita itu tidak lagi ada kena mengena dengan A pada masa ini, sekadar bekas teman wanita A.

"Mereka dah broke up kira-kira lima tahun lalu. Selepas berlakunya provokasi antara kami, emosi Faz mungkin berada di luar kawalan, darah muda.. jadi apabila wanita itu mula tolak badan, tarik baju dan rambut Faz, maruah Faz tercabar. Masa itu juga Faz sedang pegang kasut yang terkoyak bahagian depannya dan tak boleh nak pakai lagi. Apabila Faz terus diprovokasi, Faz terus pukul dia dengan kasut tu!"

Kemudian Faz terdiam seketika. Seseekali kepalanya tunduk. Mungkin dia baru tersedar tindakannya itu bakal mengundang musibah. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata, terlajak perbuatan, sesal tak sudah apabila wanita berkenaan membuat laporan polis, sekali gus merumitkan keadaan. Pada ketika itu juga Faz tidak berselera menjamah makanan Jepun yang terhidang di depan kami.

Ditanya apakah ketika Faz memukul wanita itu, dia tidak memikirkan implikasinya kerana dia adalah artis, dikenali dan pernah dinobatkan sebagai Pelakon Harapan Wanita Terbaik pada Festival Filem Malaysia (FFM), tahun lalu?

"Ketika itu, Faz ketepikan semuanya kerana maruah diri lebih penting," kata Faz yang nampak begitu yakin dengan jawapannya.

Dalam usia baru mencecah 21 tahun, Faz berdarah muda dan tindakannya banyak dipengaruhi emosi bukan kepalang. Sesekali dia dikatakan ego, lantaran mudah memberikan kata-kata yang boleh menghiris perasaan, namun penulis dapat membaca gerak hatinya, Faz ikhlas walaupun di luar sana orang sukar menerima kenyataan.

"Faz tak salahkan anggapan orang yang mungkin menyangka Faz minum dan mabuk pada malam itu. Jadi, Faz bertindak di luar batasan. Memang pusat hiburan itu tempat orang minum (minuman keras), tapi pada malam tu, Faz tak minum, kalau Faz minum, agaknya lagi teruk tindakan Faz. Kecederaan jelas kelihatan pada wanita itu, jadi orang nampak Faz yang mulakan segala kekecohan itu, sedangkan apa yang berlaku adalah sebaliknya, dia dah buat laporan polis. Tapi, menerusi seorang rakan, Faz dapat tahu, keutamaannya sekarang bukan pada kecederaan, tapi dia dah malu dan ingin melihat Faz terus jatuh."

Dalam nada suara yang agak tidak selesa, Faz meneruskan katakatanya: "Faz masih menunggu tindakan selanjutnya daripada wanita itu, tapi bagi Faz ia hanya pergaduhan sesama wanita saja."

Tegas Faz, dia bergaduh bukan kerana berebutkan lelaki, sebaliknya wanita berkenaan menjatuhkan maruahnyanya. Faz seseekali memandang ke arah luar, mungkin untuk memastikan rakannya tidak mencuri dengar perbualan kami.

Apabila direnung mata Faz sedalam-dalamnya, dapat dirasakan kekesalan yang tidak mungkin boleh dibayar dengan wang ringgit, hanya kalimah maaf saja yang tiba-tiba terkeluar dari mulutnya.

"Faz kesal apa yang berlaku. Ketika ini Faz hanya fokus pada filem terbaru, Gol & Gincu, selain Qaisy & Laila serta Senario XX yang bakal menemui penonton sedikit masa lagi. Tapi, ekor kejadian itu, daripada kenyataan Faz sebelum ini, sedikit sebanyak mungkin Faz menyinggung perasaan banyak pihak. Ikhlas daripada Faz, Faz mohon maaf kepada mereka

yang pernah terguris perasaannya, berkecil hati dengan tindakan Faz mahupun dengan kata-kata Faz selama ini.

"Baik peminat, kawan-kawan dan rakan wartawan, Faz minta maaf. Sebagai manusia yang lemah, masih belajar erti hidup, Faz tak sedar, Faz sebenarnya melakukan kesilapan, kesilapan yang tak pernah Faz minta," kata Faz sambil merenung jauh...

(END) Source : Berita Harian